

MINOXIDIL LOTION

Minoxidil (3% w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Minoxidil Lotion
2. Bagaimana Minoxidil Lotion berfungsi
3. Sebelum menggunakan Minoxidil Lotion
4. Cara menggunakan Minoxidil Lotion
5. Semasa menggunakan Minoxidil Lotion
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Minoxidil Lotion
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Minoxidil Lotion

Ia digunakan pada mereka yang umunya menjadi botak, yang kemungkinan berkaitan dengan umur atau sejarah keluarga (dikenali sebagai *Alopecia Androgenetica*)

Bagaimana Minoxidil Lotion berfungsi

Bahan aktif dalam ubat ini adalah Minoxidil. Apabila digunakan secara topikal, minoxidil boleh merangsang pertumbuhan rambut dan mencegah keguguran rambut dalam corak kebotakan lelaki dan *alopecia areata* (tindak balas imun pada folikel rambut menyebabkan rambut gugur. Masa mulanya pertumbuhan rambut dirangsang adalah berbeza di kalangan orang. Setelah minoxidil dihentikan pertumbuhan rambut baru berhenti dan pemulihan penampilan pra-rawatan dijangka dalam tempoh 3-4 bulan. Cara tindakan minoxidil dalam rawatan kebotakan lelaki sebenar tidak diketahui. Penggunaan topikal tidak menunjukkan kesan sistemik yang berkaitan dengan penyerapan minoxidil.

Sebelum menggunakan Minoxidil Lotion

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Minoxidil Lotion jika anda:

- hipersensitif kepada minoxidil atau mana-mana bahan kandungan yang disenaraikan pada akhir risalah ini.
- *phaeochromocytoma* (tumor kelenjar adrenal yang menyebabkan tekanan darah tinggi)
- mengandung, merancang untuk mengandung atau jika anda sedang menyusukan bayi. Kesan Minoxidil Lotion semasa hamil tidak diketahui. Minoxidil diserap secara sistematik dikesan dalam susu ibu.

- Sebelum menggunakan Minoxidil Lotion

Sekiranya tersentuh dengan permukaan sensitif (mata, kulit terlelas, membran mukus), kawasan itu perlu dibilas air paip sejuk. dengan jumlah yang banyak.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sebelum anda mengambil sebarang ubat-ubatan lain, kerana interaksi antara Minoxidil Lotion dan ubat lain tidak diketahui memandangkan Minoxidil Lotion yang disapu secara topikal. Walau bagaimanapun kemungkinan tekanan darah rendah mungkin wujud pada orang yang sedang mengambil guanethidine

Cara menggunakan Minoxidil Lotion

- Berapa banyak harus digunakan

Kegunaan topikal.

Jumlah dos sebanyak 1 ml hendaklah digunakan dua kali sehari di atas kulit kepala apabila rambut dan kulit kepala benar-benar kering, bermula di tengah-tengah kawasan yang terjejas. Dos ini boleh digunakan tanpa mengira saiz kawasan yang terjejas. Jumlah dos harian tidak boleh melebihi 2 ml.

Untuk kegunaan luar sahaja. Cuci tangan selepas menggunakannya dengan bersih. Kaedah penggunaan berbeza mengikut aplikator pakai buang yang digunakan seperti berikut:

- 1) Buka penutup luar.
- 2) Acu pam ke arah kawasan tengah botak pada kulit kepala.
- 3) Tekan pam sekali dan sebar losyen dengan hujung jari untuk menutup semua kawasan yang botak.
- 4) Ulangi sejumlah 8 kali untuk dos 1 ml losyen. Elakkan daripada menghidu semburan kabus.
- 5) Tutupkan dengan penutup luar pada botol apabila tidak digunakan.

- Bila perlu digunakan

Minoxidil Lotion diambil apabila diperlukan dan seperti yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Ikut arahan yang telah ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jangan gandakan dos anda untuk menggantikan dos yang terlepas. Ambil dos seperti biasa bila tiba waktu untuk dos seterusnya.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Tanda-tanda dan simptom ubat berlebihan mungkin akan dikaitkan dengan pengejalan cecair, tekanan darah rendah dan denyutan jantung yang cepat

Semasa menggunakan Minoxidil Lotion

- Perkara yang perlu dilakukan

Gunakan Minoxidil Lotion mengikut arahan doktor.

- Perkara yang tidak perlu dilakukan

- Jangan kongsi ubatan anda dengan orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau masalah seperti anda.
- Jangan gunakan pada mana-mana kawasan badan yang lain.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda mengalami sebarang kesan sampingan, iritasi atau jangkitan, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Minoxidil Lotion boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan sampingan yang paling kerap dihadapi adalah reaksi kulit yang ringan. Tindak balas kerengsaan yang paling biasa dilaporkan termasuk kulit bersisik, eritema/memerah, radang kulit, kulit kering, rasa pedih dan ruam. Kesan sampingan yang tidak biasa berlaku, termasuk reaksi alahan seperti, pening, sensasi kesemutan, sakit kepala, lemah, keradangan saraf, pengejalan air, kerengsaan mata, gangguan rasa, jangkitan telinga dan gangguan penglihatan.

Minoxidil boleh diserap melalui kulit dan potensi kesan sistemik wujud seperti denyutan jantung yang cepat atau sakit dada. Ubat itu perlu dihentikan sekiranya berlaku kesan sampingan sistemik.

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin juga boleh berlaku pada se-setengah orang. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami simptom-simptom lain semasa menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel : 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers→Reporting*)

Nombor siri

BPFK(R4/1)250216/00065

**Cara penyimpanan dan pelupusan
Minoxidil Lotion**

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Losyen yang tidak berwarna dan telus.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan-bahan aktif

Minoxidil 0.03g setiap 1ml

- Bahan- bahan tidak aktif

- Propylene Glycol
- Isopropyl Alcohol (IPA)

- Nombor MAL

MAL07031079A

Pengilang

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.
No.9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman
Perindustrian Tampoi Indah, 81200
Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.
No.9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman
Perindustrian Tampoi Indah, 81200
Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

29/02/2016